

# REXOM<sub>TM</sub> FOLIC ACID TABLET

Folic Acid (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid
2. Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid
4. Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid
5. Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid

Untuk pencegahan dan rawatan kekurangan vitamin B.

## Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid berfungsi

REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid mengandungi asid folik, vitamin penting dalam pengeluaran dan pengekalan sel-sel baru.

## Sebelum menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada orang yang hipersensitif kepada folic Acid atau komponen lain dari formulasi itu.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid seperti yang ditetapkan oleh

doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

**Dewasa:** 10-20 mg setiap hari selama 14 hari, atau sehingga sel darah dihasilkan.

Dos pengekalan harian adalah 2.5-10 mg setiap hari.

**Kanak-kanak:** 2.5-15 mg setiap hari.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Asid folik perlu diberikan sehingga diagnosis *pernicious anemia* (masalah penyerapan vitamin B12) telah dipastikan. Teruskan pengambilan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perubatan segera.

Dos asid folik yang tinggi boleh menyebabkan perubahan warna kuning air kecil.

## Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid terhadap anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan-kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> Folic Acid

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada haba dan cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

# REXOM<sub>TM</sub> FOLIC ACID TABLET

Folic Acid (5mg)

---

## Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning, bulat dengan garis pembahagi pada satu belah.

### Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
- Asid folik

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose, Magnesium stearate, Corn starch dan deionized water.

### Nombor MAL

MAL19911375XZ

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

14/11/2017

## **Nombor Siri:**

NPRA(R4/1)141117/00313